

PM bimbang hukum hudud akan bawa gambaran negatif



Dari
Abdullah Hassan

LONDON 13 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa bimbang kemungkinan hukum hudud yang hendak diperkenalkan oleh Pas di Kelantan akan membawa gambaran negatif terhadap agama Islam di kacamata orang asing dan agama lain.

Perdana Menteri berkata: "Saya rasa sedih hukum hudud yang dicadangkan oleh Menteri Besar Kelantan akan menjadikan orang asing beranggapan agama suci kita buruk."

"Kerajaan tidak akan menghalang sekiranya Pas hendak laksanakan hukum hudud di Kelantan tetapi Pas harus mengambil kira faktor keadaan di mana kaum lain masih tidak dapat menerimanya."

"Kita tidak melaksanakan hukum hudud tidak bererti satu penolakan kepada undang-undang yang ada da-

lam agama suci kita, sebaliknya kerana kita mengikuti ajaran Islam."

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan dan sesi soal jawab dengan lebih 200 orang pelajar yang sebahagian besarnya adalah pelajar ijazah lanjutan sempena lawatan tidak rasmi ke negara ini dalam perjalanan ke Sepanyol.

Turut serta dalam pertemuan itu ialah bekas Menteri Kewangan yang juga Bendahari Agung UMNO, Tun Daim Zainuddin.

Dr. Mahathir mengecam pemimpin-pemimpin Islam yang suka menggambarkan seolah-olah Islam satu agama yang tidak mempunyai kasih-an belas, suka bermusuhan dan gemar berkelahi.

Katanya, "Pas mendakwa UMNO murtad kerana tidak mengikutinya tetapi kita tetap Islam walaupun mereka berkata demikian."

Beliau kemudian menarik perhatian tentang wujudnya beberapa mazhab dalam Islam dan tentunya pengikut mazhab Shafie tidak boleh dianggap tidak Islam semata-mata kerana mereka tidak mengikut mazhab Hambali.

Dalam keadaan sekarang, kata Perdana Menteri, semua orang Islam sepatutnya bersatu supaya boleh bersaing dengan bangsa-bangsa lain.

"Dunia ini penuh dengan cabaran. Kita sebenarnya masih lemah, keupayaan kita masih kurang tetapi bila bercakap kita garang."

"Bagaimanakah kita hendak bersaing dalam dunia penuh persaingan ini kalau ramai orang Islam tiada tangan dan tiada kaki. Keadaan ini bertambah buruk lagi kerana ada orang Islam yang suka melemahkan Islam," tegasnya.

Katanya, Islam adalah satu agama yang penuh toleransi dan sentiasa memberi kelonggaran kepada umatnya dan pelaksanaan hukum hudud patut juga mengambil kira faktor keadaan.

Beliau sedih kerana masih ada di Malaysia yang menggunakan Islam untuk kepentingan politik. Nik Aziz buat tafsiran politik dalam melak-

sanakan hukum hudud tetapi apakah kita salah kerana mengikut mazhab Shafie dan tidak imam-imam lain?

Perdana Menteri berkata sekiranya ulama yang mencadangkannya tidak mempunyai kaitan dengan politik, cadangan itu mungkin boleh diterima tetapi yang buat keputusan mengenai hudud ini ialah orang politik tanpa mengambil kira keadaan dalam negara.

Dalam pertemuan hampir 2 jam itu, Dr. Mahathir juga menjawab beberapa soalan mengenai biasiswa, Terumbu Layang-Layang, isu raja-raja, pembahagian saham Telekom dan hudud dalam konteks referendum syariat Islam.

Sebelum itu, Perdana Menteri berkata, pertumbuhan ekonomi Malaysia yang pesat sekarang telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan dan negara terpaksa menerima pendatang asing untuk mengisi kekurangan tenaga kerja dalam beberapa sektor.

"Kita patut bersyukur dengan kemajuan dan pembangunan di Malaysia sekarang dan pelajar yang berada di seberang laut sekarang tidak harus bimbang untuk pulang dan mendapatkan pekerjaan," katanya.